

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

CSK302 - Sistem Maklumat Perdagangan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan SATU dan DUA soalan lain daripada soalan 2, 3 dan 4.

Semua jawapan mestilah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Berikan satu takrifan MIS yang menyeluruh dan bincangkannya dengan memberikan keterangan mengenai setiap sebutan dalam MIS.

[20/100]

- (b) Jelaskan dengan ringkas setiap tasa yang terdapat di dalam kitaran hayat sistem. Penerangan hendaklah mengandungi senarai kakitangan terlibat, tugas yang mereka laksanakan, input output setiap fasa dan aktiviti yang dijalankan.

[20/100]

- (c) Berikan keterangan ringkas tentang perbezaan setiap sebutan berikut:

- (i) MIS dan DP.
- (ii) MIS dan DSS.
- (iii) MIS dan IR.
- (iv) data dan maklumat.

[20/100]

...2/-

- (d) Anda telah dilantik menjadi pakarunding komputer untuk sebuah syarikat pengiklanan. Syarikat ini ingin menggabungkan pengkomputeran pengurusan datanya dengan sebuah syarikat cawangannya. Kakitangan di syarikat-syarikat ini terdiri daripada pengurus, pembantu pengurus, pengurus penyelenggaraan dan pembangunan, penyimpan kira-kira dan penyambut tetamu.

Nyatakan bagaimana caranya anda akan mengumpul maklumat dari syarikat-syarikat ini untuk tujuan di atas.

[20/100]

- (e) Apakah fungsi yang dimainkan oleh MIS di dalam sesebuah organisasi?

[20/100]

2. (a) Terangkan cara-cara bagaimana suatu MIS dapat memberikan kelebihan daya saingan kepada sesebuah syarikat.

[20/100]

- (b) Syarikat ABC ingin mengotomaskan sistem perakaunannya. Anda telah ditugaskan untuk menjalankan kajian untuk meneliti sama ada sistem tersebut patut dibangunkan ataupun dibeli.

- (i) Berikan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan untuk menentukan sama ada sistem tersebut patut dibeli atau dibangunkan.

[15/100]

- (ii) Huraikan secara ringkas proses perolehan (beli) sistem perakaunan ini.

[30/100]

- (c) Terangkan secara ringkas komponen-komponen yang terdapat di dalam fasa rekabentuk sistem dan output-output untuk setiap komponen ini.

[20/100]

...3/-

- (d) Mengapakah perancangan muatan perlu dijalankan oleh sebuah pusat komputer?

[15/100]

3. (a) Syarikat XYZ sangat bergantung kepada sistem komputer untuk menjalankan operasi hariannya. Sekiranya sistem komputer syarikat tidak berfungsi, ianya tidak dapat menjalankan operasi harian. Anda sebagai penurus MIS di syarikat berkenaan dikehendaki berbuat sesuatu untuk memastikan syarikat dapat menjalankan operasi hariannya tanpa kegagalan sistem komputer. Bincangkan tentang langkah-langkah yang akan anda laksanakan.

[25/100]

- (b) Bincangkan secara ringkas tentang kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengenalpasti keperluan maklumat pihak pengurus atasan. (Sekurang-kurangnya 2 kaedah).

[25/100]

- (c) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengurus-pengurus MIS di dalam menguruskan fungsi MIS pada hari ini?

[25/100]

- (d) Senaraikan langkah-langkah yang perlu dilalui dalam melaksanakan suatu kajian BSP. Gunakan gambarajah jika perlu.

[25/100]

4. (a) Bincangkan tentang tugas-tugas yang dilakukan oleh seorang Juruanalisis Sistem.

[20/100]

...4/-

(b) Dengan mengambil AIM sebagai organisasi

(i) Nyatakan kedudukan fungsi pemprosesan data organisasi ini berdasarkan kepada teori pertumbuhan berperingkat Nolan. Berikan alasan-alasan yang dapat menyokong jawapan anda.

[15/100]

(ii) Apakah yang dimaksudkan dengan CSF? Senaraikan 3 CSF organisasi ini.

[15/100]

(c) Nyatakan mengapa sesebuah organisasi itu perlu menjalankan suatu kajian ISP.

[15/100]

(d) Terdapat 3 bentuk struktur organisasi yang menunjukkan kedudukan fungsi MIS di dalam sesebuah organisasi. Lukiskan ketiga-tiga bentuk struktur organisasi tersebut dan bincangkan tentang kebaikan dan keburukanya.

[20/100]

(e) Senaraikan subsistem-subsistem utama yang terdapat di dalam sesebuah Sistem Maklumat Perakaunan.

[15/100]